

Kempen ASB PLUS 2.0 2026 ("Kempen")

A. Terma dan Syarat

1. Kempen

- 1.1. Kempen ini, yang dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (Nombor Pendaftaran: 197901003200 (47457- V)) ("ASNB"), merupakan kempen yang menawarkan pulangan tambahan ke atas Unit Amanah Harga Tetap (seperti yang ditakrifkan di bawah) yang ditawarkan dalam Kempen ini kepada Peserta (seperti yang ditakrifkan di bawah) yang layak apabila dilanggan sebagai satu pakej bersama Unit Amanah Harga Berubah terpilih (seperti yang ditakrifkan di bawah) ("Pakej ASB Plus 2.0") sepanjang Tempoh Kempen (seperti yang ditakrifkan di bawah), tertakluk kepada Tempoh Terkunci (seperti yang ditakrifkan di bawah).
- 1.2. Kempen ini akan berlangsung dari jam **00:00 (GMT + 8) pada 1 September 2026 hingga jam 23:59 (GMT + 8) pada 24 Disember 2026** ("Tempoh Kempen").
- 1.3. Pakej ASB Plus 2.0 ditawarkan kepada para peserta Kempen ini ("Peserta") untuk dilanggan secara dalam talian melalui portal dan aplikasi myASNB dan secara fizikal di mana-mana cawangan ASNB sepanjang Tempoh Kempen.
- 1.4. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami sepenuhnya, dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan di sini.
- 1.5. ASNB berhak untuk mengubah, menangguh, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Kempen pada bila-bila masa mengikut pertimbangannya sendiri sepenuhnya.

2. Kelayakan

- 2.1. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit Akaun Dewasa dan/atau Akaun Remaja/Bijak yang baharu dan sedia ada bagi Unit Amanah Terpilih (seperti yang ditakrifkan di bawah) termasuk kakitangan serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan dan anak-anak) Permodalan Nasional Berhad (197801001190 (38218-X)) dan kumpulan syarikatnya ("Kumpulan PNB").
- 2.2. "Unit Amanah Terpilih" merujuk kepada tabung-tabung yang ditawarkan dalam Pakej ASB Plus 2.0 seperti yang tertera dalam jadual berikut:

Kategori Unit Amanah	Nama Unit Amanah
Unit Amanah Raya Tetap ("Unit Amanah FP")	i. Amanah Saham Bumiputera ("ASB")
	ii. Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB 2")
Unit Amanah Raya Berubah ("Unit Amanah VP")	i. ASN Ekuiti 5 ("ASN Ekuiti 5")
	ii. ASN Imbang 2 ("ASN Imbang 2")

3. Mekanisme Kempen

3.1. Empat (4) Pakej ASB Plus 2.0 ditawarkan dalam Kempen ini, dengan pecahan pelaburan sebanyak enam puluh peratus (60%) dalam Unit Amanah FP dan empat puluh peratus (40%) dalam Unit Amanah VP, seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

No. Pakej	Kategori Unit Amanah	Nama Unit Amanah	Nisbah Pelaburan	Tempoh Terkunci
1	Unit Amanah FP	ASB	60%	12 bulan
	Unit Amanah VP	ASN Ekuiti 5	40%	N/A
2	Unit Amanah FP	ASB	60%	12 bulan
	Unit Amanah VP	ASN Imbang 2	40%	N/A
3	Unit Amanah FP	ASB 2	60%	12 bulan
	Unit Amanah VP	ASN Ekuiti 5	40%	N/A
4	Unit Amanah FP	ASB 2	60%	12 bulan
	Unit Amanah VP	ASN Imbang 2	40%	N/A

3.2. Caj jualan bagi Unit Amanah Terpilih adalah seperti berikut:

Kategori Unit Amanah	Nama Unit Amanah	Caj Jualan	
		Saluran	Kadar Caj
Unit Amanah FP	ASB	Mana-mana	0.00%
	ASB 2	Mana-mana	0.00%
Unit Amanah VP	ASN Ekuiti 5	Mana-mana	1.75%
	ASN Imbang 2	Mana-mana	1.75%

**Rujuk Klausula 1.3 di atas*

3.3. Peserta dibenarkan untuk membuat beberapa langganan sepanjang Tempoh Kempen, dan setiap langganan adalah tertakluk kepada amaun pelaburan minimum sebanyak Sepuluh Ribu Ringgit Malaysia (RM10,000.00) sahaja.

3.4. Bagi setiap langganan Pakej ASB Plus 2.0, hanya jumlah pelaburan dalam Unit Amanah Harga Tetap akan tertakluk kepada tempoh terkunci selama **dua belas (12) bulan** dari tarikh langganan ("Tempoh Terkunci"). Sepanjang Tempoh Terkunci, penebusan (redemption), pemindahan keluar (transfer-out), dan penukaran keluar (switching-out) unit di bawah Pakej ASB Plus 2.0 tidak dibenarkan. Contoh Tempoh Terkunci bagi pelbagai tarikh langganan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Tarikh Langganan	Tarikh Mula Tempoh Terkunci	Tempoh Terkunci	Tarikh Tamat Tempoh Terkunci
10 Julai 2026	10 Julai 2026	Dua Belas (12) bulan	9 Julai 2027
31 Ogos 2026	31 Ogos 2026		30 Ogos 2027
1 September 2026	1 September 2026		31 Ogos 2027

- 3.5. Pembatalan langganan Pakej ASB Plus 2.0 atau pengeluaran awal sebelum tamat tempoh terkunci tidak dibenarkan, kecuali dalam keadaan tertentu seperti pelaksanaan hak bertenang.
- 3.6. Peserta yang melabur buat kali pertama dalam Unit Amanah Harga Berubah melalui Kempen ini (iaitu pelaburan dalam ASN Ekuiti 5 dan ASN Imbang 2 di bawah Pakej ASB Plus 2.0 merupakan pelaburan pertama Peserta dalam mana-mana Unit Amanah Harga Berubah) layak menikmati tempoh hak bertenang selama enam (6) hari bekerja dari tarikh langganan Pakej ASB Plus 2.0. Sekiranya Peserta melaksanakan hak bertenang, jumlah pelaburan keseluruhan di bawah Pakej ASB Plus 2.0, termasuk unit Unit Amanah Harga Tetap, akan dipulangkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permintaan hak bertenang dibuat. ASNB berhak untuk mengubah proses pemulangan mengikut pertimbangannya sendiri dari semasa ke semasa.
- 3.7. Pelaburan melalui Skim Pelaburan Ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (SPA KWSP) tidak digunapakai bagi Kempen ini.
- 3.8. Pelaburan melalui penukaran masuk (switch-in) dan pemindahan masuk (transfer-in) ke dalam Pakej ASB Plus 2.0 tidak dibenarkan.

4. Ganjaran Kempen

- 4.1. Pelaburan Pakej ASB Plus layak menerima pulangan tambahan ("Pulangan Tambahan") sebanyak **satu peratus (1.00%) setahun** yang dikira berdasarkan Tempoh Terkunci pelaburan pokok dalam Unit Amanah Harga Tetap dalam Pakej ASB Plus 2.0. Pulangan Tambahan ini diberikan dalam bentuk unit Unit Amanah Harga Tetap yang dilanggan dalam Pakej ASB Plus 2.0. Contoh pengiraan Pulangan Tambahan adalah seperti berikut:

Pakej ASB Plus 2.0 <i>*Rujuk Klausula 3.1</i>	Jumlah Pelaburan dalam Pakej ASB Plus 2.0	Bahagian Unit Amanah FP pada 60%	Pulangan Tambahan
Pakej dengan tempoh terkunci selama 12 bulan	RM10,000.00	RM6,000.00	$RM6,000 \times 1.00\% \times \frac{12}{12}$ bulan = RM60.00

- 4.2. Pulangan Tambahan akan dikreditkan ke dalam akaun Unit Amanah FP yang berkenaan pada tarikh pengagihan pendapatan tabung tersebut. Tarikh pengagihan pendapatan bagi Unit Amanah FP Terpilih adalah seperti berikut:

Pakej ASB Plus 2.0	Unit Amanah FP	Tarikh Pengagihan Pendapatan
Pakej 1 dan Pakej 2	ASB	1 Januari 2027
Pakej 3 dan Pakej 4	ASB 2	1 April 2027

- 4.3. Bagi beberapa langganan dalam Tempoh Kempen, Pulangan Tambahan daripada semua langganan Pakej ASB Plus 2.0 akan dijumlahkan dan dibayar pada tarikh pengagihan pendapatan Unit Amanah FP berkenaan. Contoh pembayaran Pulangan Tambahan bagi beberapa langganan ialah seperti berikut:

Tarikh Langganan	Tempoh Terkunci FP	Pelaburan Unit Amanah FP	Kadar Pulangan Tambahan	Jumlah Pulangan Tambahan
10 Oktober 2026	12-bulan tempoh terkunci	RM17,500.00	1.00% p.a.	$RM17,500 \times 1.00\% \times \frac{12}{12}$ bulan = RM175.00
15 November 2026		RM10,000.00	1.00% p.a.	$RM10,000 \times 1.00\% \times \frac{12}{12}$ bulan = RM100.00
Jumlah Pulangan Tambahan pada Tarikh Pengagihan Pendapatan Unit Amanah FP masing masing				RM275.00

- 4.4. Pulangan Tambahan merupakan pembayaran tunggal dan tidak akan dibayar pada tarikh pengagihan pendapatan bagi tahun-tahun berikutnya.
- 4.5. ASNB berhak untuk menahan, menarik balik atau membuat potongan mana-mana Pulangan Tambahan yang telah dibayar sekiranya peserta gagal mematuhi tempoh terkunci yang ditetapkan, atau mana-mana syarat lain Kempen ini.

B. Terma dan Syarat Am

- Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta membenarkan dan memberi kebenaran kepada ASNB untuk:
 - 1.1. mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh Peserta kepada ASNB semasa menyertai Kempen ini termasuk menerbitkan atau memaparkan nama atau gambar Peserta dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, platform dalam talian ASNB dan mana-mana platform lain sebagaimana yang ditentukan oleh ASNB bagi tujuan Kempen ini, menurut dasar privasi ASNB yang boleh didapati di laman web ASNB di www.asnb.com.my;
 - 1.2. mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi dalam kalangan Kumpulan PNB, ejen yang diberi kuasa dan penyedia perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk merahsiakan Data Peribadi anda) bagi tujuan menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan kami atau sebarang

perkhidmatan berkaitan lain dan sebarang tujuan berkaitan lain menurut keperluan undang-undang yang berkenaan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.

2. Semua Peserta dan pemenang Kempen ini akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan, atau caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka mengikut undang-undang yang terpakai berkenaan dengan ganjaran dan Kempen ini.
3. Terma dan Syarat yang mengawal Unit Amanah Terpilih adalah berlainan daripada Terma dan Syarat Kempen ini. Ciri-ciri Unit Amanah Terpilih dinyatakan dalam Prospektus Induk, Prospektus Induk Tambahan, dan halaman serlahan produk yang berkaitan yang boleh didapati di <https://www.asnb.com.my/product>. Peserta dikehendaki mematuhi semua terma dan syarat berkaitan pelaburan dalam Unit Amanah Terpilih yang berkenaan, serta semua Terma dan Syarat Kempen ini.
4. Pelaburan dalam Unit Amanah Terpilih bukan obligasi, tidak dijamin dan tidak diinsuranskan/dilindungi oleh ASNB serta tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan menghadapi kerugian ke atas jumlah pokok yang dilaburkan. Peserta dinasihatkan untuk membaca Prospektus Induk, Prospektus Induk Tambahan, dan halaman serlahan produk bagi Unit Amanah Terpilih yang berkenaan sebelum membuat pelaburan.
5. Peserta hendaklah mempertimbangkan segala yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur.
6. Prestasi lepas Unit Amanah Terpilih bukan petunjuk prestasi masa hadapan. Harga unit dan Pengagihan Pendapatan yang layak dibayar, jika ada, boleh menurun dan tertakluk kepada prestasi pasaran. Peserta harus membuat penilaian sendiri untuk menilai potensi dan risiko sesuatu pelaburan. Peserta yang ragu-ragu akan sebarang keputusan pelaburan hendaklah mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional mereka dengan segera.
7. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ASNB dan Kumpulan PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang timbul berhubung dengan Kempen ini.
8. ASNB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan berhubung dengan Kempen ini disebabkan oleh sebarang kejadian luar biasa, peperangan, rusuhan, mogok, penutupan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem, atau apa-apa peristiwa yang berada di luar kawalan munasabah ASNB.
9. ASNB berhak, pada bila-bila masa, untuk mengubah, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini lebih awal sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk meminda, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat ini, tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Peserta.
10. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penggantungan, penamatan atau lanjutan Tempoh Kempen tidak akan melayakkan Peserta atau mana-mana pihak lain untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada ASNB bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan pembatalan, penggantungan, penamatan atau lanjutan tersebut.
11. ASNB berhak menentukan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak memenuhi kelayakan dan kriteria atau gagal mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan

di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan adalah termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan salah laku dan/atau penipuan berkaitan dengan Kempen ini.

12. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul atau dihadapi oleh Peserta sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya.
13. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk sebarang pindaan, penghapusan, atau penambahan, akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi, sama ada bercetak atau elektronik.
14. Sebarang keputusan yang dibuat oleh ASNB berhubung dengan semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan, langganan, Tempoh Penguncian (Lock-in Period) dan Pulangan Tambahan (Enhanced Return), adalah muktamad dan mengikat. Sebarang rayuan, pertikaian atau surat-menyurat tidak akan dilayan.
15. Terma dan Syarat hendaklah ditadbir oleh undang-undang Malaysia.
16. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.